

01 JUL 1999

PM BERAMAH MESRA DENGAN PENANAM SAYUR

KEPALA BATAS, 1 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meluangkan masa untuk beramah mesra dengan para peserta Projek Tanaman Sayuran Berkelompok Lembah Raja, Pinang Tunggal, dekat sini.

Dr Mahathir yang disertai oleh timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, turut merasai buah jambu madu yang dihasilkan oleh para petani berkenaan.

Perdana Menteri yang sedang melakukan lawatan dua hari ke negeri ini turut melawat kebun kacang panjang dan timun.

Sebelum itu, ketika memberi taklimat mengenai projek itu, Pegawai Daerah Seberang Perai Utara Encik Abdul Ghani Ariffin berkata para peserta yang terdiri daripada 48 orang pengusaha Cina dan 20 pengusaha Melayu mendapat antara RM900 dan RM1,500 sebulan dengan menanam sayur secara sambilan.

Selain Kampung Lembah Raja, projek itu juga membabitkan enam kampung lain -- Kampung Setol, Kampung Ekor Kucing, Kampung Sungai Korok, Kampung Tasik, Kampung Pokok Jenerok dan Kampung Baru.

Yang turut hadir ialah Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob, Ketua Menteri Pulau Pinang Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dan Timbalannya, Datuk Sharif Omar.

-- BERNAMA

AHM NMO